POLITEKNIK MALAYSIA
PORT DICKSON

**MEMO DALAMAN**
**UNIT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN**

Ruj. Kami : PPD/024/01-JLD7 (12) 23 SEPTEMBER 2026

| | | |
|---|---|---|
| **PERKARA** | **PERMOHONAN MENDUDUKI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SENIOR BAGI SIDANG/KOHOT 31 (SESI II : 2026/2027)** | |
| **DARIPADA** | **KETUA JABATAN<br>HAL EHWAL PELAJAR** | **Salinan:<br>1. PENGARAH<br>2. TPSA<br>3. KUPKK<br>4. FELO<br>5. FAIL** |
| **KEPADA** | **SEMUA PELAJAR SENIOR SESI II : 2026/2027 POLITEKNIK PORT DICKSON** | |

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, permohonan menduduki Kolej Kediaman pelajar senior bagi **Sidang/Kohot 31 (Sesi II : 2026/2027)** boleh dilakukan secara dalam talian (online) melalui **Modul iKamsis** di dalam **Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP).**

3. Sehubungan itu, permohonan menduduki Kolej Kediaman Pelajar Senior akan dibuka mulai **01 OKTOBER 2026 (KHAMIS) jam 10.00 pagi hingga 14 OKTOBER 2026 (RABU) jam 4.00 petang.**

4. Sebarang pertanyaan lanjut, sila berurusan dengan Unit Pengurusan Kolej Kediaman melalui emel upkk@polipd.edu.my

Sekian. Terima kasih.

**" MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

.....
**(MOHD FOUZI BIN MUSTAFA)**
Ketua Jabatan
Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Port Dickson

**MAKLUMAN KEPADA PELAJAR SENIOR YANG MEMOHON KOLEJ KEDIAMAN BAGI SIDANG/KOHOT 31 (SESI II : 2026/2027)**

1. Pastikan pelajar membaca **Manual Permohonan Kamsis Senior** dengan teliti.

2. **Semua Pelajar Perempuan Senior Semester 2, Sesi II : 2026/2027 adalah WAJIB** menduduki **Kolej Kediaman Politeknik Port Dickson** dan perlu membuat permohonan melalui SPMP.

3. Pelajar lelaki juga adalah **digalakkan** membuat permohonan menduduki Kolej Kediaman.

4. **AJK Pelajar Kolej Kediaman (JPKK), AJK Perwakilan Pelajar (JPP), AJK Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), AJK Sekretariat Rukun Negara (SRN), AJK Koperasi dan AJK Rakan Pusat Islam (RAPI) juga perlu memohon melalui sistem SPMP.**

5. **Permohonan selepas tarikh tutup tidak dibenarkan.** Pelajar boleh menyemak status keputusan permohonan Kolej Kediaman bermula 03 NOVEMBER 2026 jam 10.00 pagi.

6. Senarai Kolej Kediaman yang dibuka pada Sidang 31 (Sesi II: 2026/2027) adalah seperti dibawah:

| NAMA KOLEJ KEDIAMAN | BLOK | JANTINA |
|---|---|---|
| KOLEJ KEDIAMAN ANGGERIK | A, B, K & L | LELAKI |
| KOLEJ KEDIAMAN CEMPAKA | C, D, E & F | LELAKI |
| KOLEJ KEDIAMAN GEMILANG | G, H & J | LELAKI |
| KOLEJ KEDIAMAN MUTIARA | M, N , P, Q & R | PEREMPUAN **(SEMESTER 3 DAN KE ATAS)** |
| KOLEJ KEDIAMAN SI RUSA | S | PEREMPUAN **(SEMESTER 2 DAN KE ATAS)** |

**TAKWIM DAN TINDAKAN PELAJAR BAGI PERMOHONAN MENDUDUKI KOLEJ KEDIAMAN SENIOR SIDANG /KOHOT 31 (SESI II : 2026/2027)**

| TARIKH | PERKARA |
|---|---|
| 01 Okt 2026 (Khamis)<br>10.00 pagi<br>–<br>14 Okt 2026 (Rabu)<br>4.00 petang | Membuat permohonan melalui **iKamsis SPMP** dengan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan:<br><br>1. **Bahagian A**: Maklumat Peribadi<br>2. **Bahagian B**: Maklumat Bapa/Ibu/Penjaga<br>3. **Bahagian C**: Maklumat Pencapaian/Penglibatan<br>4. **Bahagian D**: Maklumat Umum<br>5. **Bahagian E**: Pemilihan Kategori Kolej Kediaman<br><br>6. **Perakuan Pemohon**<br><br>• Di ruangan Peranan/Sumbangan, pastikan tidak melebihi 300 huruf & aksara.<br><br>7. **Pengesahan**<br><br>• Klik butang **Setuju/Tidak Setuju** dan klik **Simpan**.<br>• Pastikan klik '**Simpan**' untuk dikira permohonan selesai.<br>• Pelajar dikehendaki menyimpan bukti permohonan (di dalam format pdf). |
| 14 Okt 2026 (Rabu)<br>4.00 petang | Permohonan Kolej Kediaman **DITUTUP** |
| 03 Nov 2026 (Selasa)<br>10.00 pagi | Semakan Keputusan Permohonan Kolej Kediaman |